

Panduan Permohonan Pameran Skulptur Asia Oita ke-17 (Versi Negara Luar)

Kami memuji pengukir, Fumio Asakura dari Wilayah Oita yang telah mendirikan asas arca Jepun moden dan berusaha untuk pembangunan pelapis di Sekolah Kesenian Halus Tokyo atau "Asakurajuku", dan kami mengadakan pameran arca yang merupakan pintu gerbang untuk menjadi seorang pengukir Asia yang baru.

Pameran arca ini diadakan secara penganjuran bersama oleh Wilayah Oita yang mempromosikan "Wilayah Kreatif, Oita" melalui seni dan budaya dan Bandar Bungo-ohno yang bertujuan untuk mewujudkan "kota membangun semangat dan keinginan untuk belajar" dan mengirimi maklumat budaya ke seluruh Jepun dan dunia dari kawasan tempatan. Kami berharap dapat menerima karya-karya hebat dengan penuh motivasi daripada ramai pemohon.

1. Dianjurkan oleh Jawatankuasa Pameran Skulptur Asia Oita, Bandar Bungo-Ohno, Oita
2. Disokong oleh Badan Hal Ehwal Kebudayaan
3. Ditaja oleh Saiki Communications Sdn. Bhd., Bank Oita
4. Dengan kerjasama Museum Seni Total (Korea), Balai Seni Visual Negara (Malaysia), Pusat Kebudayaan Filipina (Filipina), Persatuan Seniman China (China)

5. Tempoh Pameran
19 (Sabtu) Oktober – 24 (Ahad) November 2024

6. Tempoh Penerimaan Hasil Kerja
1 (Selasa) Ogos – 21 (Khamis) Disember 2023

7. Peraturan Pameran

(1) Kelayakan Penyertaan

Bermastautin di Jepun (Warganegara tidak diambil kira) atau di negara/kawasan di Asia, berumur kurang dari 50 tahun pada setakat 1 April 2023. Penyertaan kumpulan juga dibenarkan.

(2) Penyertaan Hasil Kerja

① Satu hasil kerja untuk setiap orang dan ianya asli dan belum pernah diterbitkan.

Bagi penyertaan kumpulan, satu hasil kerja untuk setiap kumpulan juga.

② Saiz hasil kerja, jumlah ukuran tinggi, lebar dan kedalaman perlu kurang daripada 150cm (termasuk kekaki). Tetapi satu bahagian perlu kurang dari 70cm. Selain itu juga berat hasil kerja mestilah 30kg atau kurang dan sekiranya ia melebihi daripada ini.

③ Bahan untuk membuat hasil kerja tidak ditetapkan, tetapi perlu tahan hantaran pos dan boleh berdiri sendiri ketika dipamerkan.

(3) Cara Penyertaan

Penyertaan melalui internet

① Isi maklumat dalam borang penyertaan yang boleh didapati di laman web pameran skulptur ini, dan hantar bersama data gambar.

[Laman web] <http://www.bungo-ohno.jp/categories/shisetsu/asakura/>

② Lampirkan bersama gambar dalam bentuk data format JPEG bersaiz 640×480 pixel. Tangkap gambar dari 3 arah (sekeping gambar dari depan, nampak keseluruhan hasil kerja, dan sekeping gambar dari 2 arah yang berbeza, jumlah gambar adalah 3 keping). Gambar tidak boleh ditangkap menggunakan pencahayaan dan lensa khas, serta ditangkap dalam keadaan semulajadi tanpa menggunakan filter. Gambar yang ditangkap adalah gambar hasil kerja yang telah disiapkan, tidak perlu menghantar model hasil kerja.

* Penyertaan melalui pos (Hanya untuk penyertaan yang tidak boleh dihantar melalui internet)

Isikan maklumat yang diperlukan dalam borang penyertaan, kemudian masukkan data yang ditulis di ② di dalam CD-R (disimpan dalam format Windows (ISO9660), format Mac, Linux tidak diterima), dan hantar kedua-duanya kepada Jawatankuasa Urusetia Pameran Skulptur Asia Oita. Cap pos pada sampel surat.

(4) Yuran Penyertaan Pameran

Percuma

8. Penilaian

(1) Penilaian pusingan pertama

60 hasil kerja akan dipilih dari penilaian dokumen yang berimej.

Peserta akan diberitahu keputusannya dan akan diumumkan dari nombor penerimaan di laman web pameran ini.

Waktu Pengumuman : Dijangkaikan sekitar bulan Mac 2024

*Kami tidak akan menerima sebarang pertanyaan melalui telefon mengenai keputusan penilaian.

(2) Penilaian pusingan kedua

Dari penilaian saringan, 30 hasil kerja dari hasil kerja yang berjaya melepasi pusingan pertama akan dipilih. Hasil kerja yang telah melepasi penilaian pusingan kedua akan dipamerkan sepanjang berlangsungnya pameran ini.

Peserta akan diberitahu keputusannya dan akan diumumkan dari nombor penerimaan di laman web pameran ini.

Waktu Pengumuman : Dijangkaikan sekitar bulan April 2024

Berkenaan penghantaran muatan

Kami akan memberitahu cara menghantar hasil kerja kepada peserta yang telah melepasi penilaian pusingan pertama. Pada waktu itu, peserta diperlukan untuk menandatangani dokumen yang mengatakan peserta tidak akan menuntut ganti

rugi kepada penganjur bila berlaku kerosakan, dan sekiranya hasil kerja pekerja tidak dapat dipulangkan kerana sistem import/eksport negara peserta. Perbelanjaan yang berkaitan dengan penghantaran (termasuk pembungkusan) akan ditanggung oleh peserta pameran. Semasa membuat senarai, pastikan kerja anda sendiri jika perlu. Berkenaan dengan bahan pameran, setiap peserta pameran hendaklah mengambil insurans sendiri untuk hasil kerja mereka jika perlu. Penganjur juga akan memastikan insurans diambil sepanjang tempoh dari ketibaan hasil kerja hingga pemulangnya semula kepada peserta pameran, tetapi jumlah penilaian insurans hasil kerja yang dihantar akan ditanggung sebagai 100,000 yen had maksimum.

(3) Penilaian Akhir

Dari hasil kerja yang telah melepasi penilaian pusingan kedua, 7 hasil kerja pemenang anugerah (anugerah utama dan anugerah kecemerlangan) akan diputuskan.

9. Barisan Juri

SAKAI Tadayasu (Pegarah Muzium Seni Setagaya, Pengkritik Seni)

YASUNAGA Koichi (Bekas Pengarah Muzium Seni Asia Fukuoka)

GODA Shuichi (Bekas Pengerusi Persatuan Seni Oita)

FUKAI Takashi (Profesor Emeritus, Universiti Seni Tokyo, Artis Skulptur)

KIM Sun Hee (Bekas Pengarah Muzium Seni Bandar Busan, Korea)

10. Anugerah dan hadiah tunai

*Hadiah utama (1 hasil kerja) 2 juta yen

*Hadiah cemerlang (6 hasil kerja) 500 ribu yen

Anugerah Bungo-Ohno (1 hasil kerja) 300 ribu yen (dipilih mengikut undian pengunjung awam)

11. Lain-lain

(1) Dari waktu penerimaan hingga pemulangan, hasil kerja akan dijaga dengan rapi oleh pihak penganjur, tapi kami tidak akan mengambil tanggungjawab atas kerosakan yang disebabkan oleh bahan hasil kerja, atau kerosakan disebabkan oleh bencana alam yang tidak boleh dielakkan.

(2) Hasil kerja yang tidak boleh menahan proses penghantaran, atau mempunyai kemungkinan untuk merosakkan/mencemarkan hasil kerja peserta lain tidak akan diterima.

(3) Untuk hasil kerja yang melepasi pusingan pertama, artis hendaklah membenarkan pengeposan dan penyalinan hasil kerja kepada katalog, penerbitan dan laman web dan lain-lain, untuk promosi/perhubungan awam.

(4) Hak pemilihan hasil kerja yang memenangi anugerah (Hadiah Utama dan Hadiah cemerlang) menjadi milik penganjur.

(5) Sekiranya terdapat masalah berkaitan hak cipta dengan hasil kerja yang telah dihantar kepada pihak penganjur, semuanya akan menjadi tanggungjawab peserta.

(6) Sekiranya didapati hasil kerja yang telah diciplak, direplikasi, atau bukan dibuat sendiri, atau hasil kerja yang pernah diterbitkan, hadiah yang terima akan ditarik semula.



[Alamat penyertaan]
Jawatankuasa Urusetia
Pameran Skulptur Asia Oita
Dewan Memorial Fumio Asakura,
1587-11, Ikeda, Kota Asaji,
Bandar Bungo-Ohno, Wilayah
Oita 879-6224
TEL +81-974-72-1300
FAKS +81-974-72-1302

Potongan

Borang penyertaan Pameran Skulptur Asia Oita ke-17.

Borang ini hanya boleh digunakan sekiranya penyertaan melalui internet tidak boleh digunakan. Sila hantar bersama CD-R yang mempunyai data gambar hasil kerja.

Nombor penerimaan*				Nama		Tarik lahir	
Nama Hasil Kerja (Dalam bahasa Inggeris)				(Lelaki / Perempuan)		Umur	
Maksud penghasilan				Alamat terkini			
Saiz hasil kerja (cm) (termasuk kekaki)	Tinggi x Lebar x Kedalaman	Berat hasil kerja (kg)	E-mel		Faks		
	× ×		Tel				
Bahan hasil kerja	(termasuk struktur, sekhusus mungkin)			Nombor telefon bimbit		Warganegara	
				Sejarah Artis		Tempat lahir	
						*Adalah untuk kegunaan pejabat	